

### Tiga kementerian kaji isu mogok

PUTRAJAYA - Kabinet, yang mendengar isu mogok oleh penghantar makanan Foodpanda pada mesyuarat mingguaninya semalam membuat keputusan untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa yang akan dianggotai oleh tiga kementerian bagi mengkaji lebih mendalam mengenai perkara itu.

Menteri Sumber Manusia, M Kula Segaran dalam satu kenyataan di sini berkata, tiga kementerian itu ialah Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Menurutnya, kementeriannya juga telah bertemu

dengan wakil daripada Foodpanda Malaysia iaitu Pengarah Urusannya, Sayantan Das dan Ketua Pemasaran, Fabian Emanuel berhubung isu penghantar makanan Foodpanda melancarkan mogok.

"Foodpanda mengesahkan syarikat berkenaan akan memantau skim gaji baharu yang telah dilaksanakan di beberapa negeri sebelum memutuskan sama ada boleh kembali ke skim lama," katanya.

Menurut Kula Segaran, wakil-wakil itu menyebut bahawa di semua negeri selain dari Johor, penghantar makanan menerima skim gaji baharu yang berfungsi pada model kecekapan. - *Bername*